



**PERTANDINGAN *PHOTOJOURNALISM*  
SEMPENA SAMBUTAN HARI HABITAT  
SEDUNIA 2018**

**TEMA**

***“Housing Policies : Affordable Homes”***



# **PERTANDINGAN *PHOTOJOURNALISM* SEMPENA SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA 2018**

- 1.0 PENDAHULUAN**
- 2.0 OBJEKTIF**
- 3.0 PENYERTAAN**
- 4.0 TEMA PERTANDINGAN**
- 5.0 KRITERIA PENGHANTARAN**
- 6.0 TERMA DAN RUJUKAN**
- 7.0 HADIAH PERTANDINGAN**
- 8.0 PERTANYAAN**

# **PERTANDINGAN PHOTOJOURNALISM / PHOTO JOURNAL**

## **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 *Photojournalism* merupakan satu bentuk gambaran atau penceritaan berkenaan sesuatu perkara, peristiwa atau situasi yang dipersembahkan melalui gambar (fotografi), lukisan dan sebagainya dan disokong oleh penerangan ringkas untuk menceritakan tentang perkara berkenaan dari awal sehingga kesudahannya.
- 1.2 Persembahan ini melibatkan penyediaan *story board* berkaitan tema, pengumpulan gambar-gambar dan kerja-kerja pengeditan untuk menghasilkan satu persembahan yang membentuk gambaran yang baru, berkenaan sesuatu perkara berkaitan dengan tema.
- 1.3 Persembahan ini bersifat penceritaan tentang sesuatu peristiwa atau situasi yang berlaku, seterusnya membentuk fakta yang berkait rapat dengan budaya/ suasana persekitaran pada masa kini dan akan datang.

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Memperkukuhkan pemahaman, seterusnya membuka peluang yang lebih luas untuk rakyat lebih menghargai petempatan manusia dan pembangunan di negara ini;
- 2.2 Menjadi pangkalan data-data terpencil yang boleh menjadi koleksi berhubung dengan habitat manusia; dan
- 2.4 Memupuk minat kepada orang ramai terhadap *photojournalism* dengan menjadikannya sebagai kerjaya atau profesion yang beretika.

## **3.0 PENYERTAAN**

- 3.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua **warganegara Malaysia** kecuali Urus Setia Pertandingan.

## 4.0 TEMA

### *“Housing Policies : Affordable Homes”*

Penyediaan rumah mampu milik yang berkualiti dan dilengkapi dengan kemudahan masyarakat dan infrastruktur perlu menjadi polisi utama setiap negara. Rumah mampu milik di perbandaran yang berdaya huni adalah penting dalam menzahirkan masyarakat bandar yang sihat dan sejahtera bukan sahaja dari aspek fizikal, malah spiritual, sosial dan ekonomi.

## 5.0 KRITERIA PENGHANTARAN

- 5.1 Semua penyertaan hendaklah dihantar dalam poster **hard copy** : SATU (1) **saiz A2 (420mm x 594mm) digital PRINTED artwork** dilekat pada **mounting board** berwarna **hitam**. Sila nyatakan **nama penuh, alamat email, nombor telefon** dan **tajuk** yang dipilih di belakang *mounting board*.
- 5.2 **Soft copy** : Semua penyertaan juga hendaklah **disimpan dalam format PDF** dengan **resolusi** sekurang-kurangnya **300dpi** atau **format Cetakan Berkualiti Tinggi** dan dihantar dalam **bentuk CD / DVD**. Sila labelkan semua penyertaan seperti berikut: "**\_topik\_no. entri.\_nama. pdf**".
- 5.3 **Setiap gambar** yang diambil perlu dihantar dalam bentuk CD / DVD berasingan dari **bil. 5.2** untuk memastikan ketulenan gambar dan tidak diciplak di mana-mana media. Sila labelkan semua penyertaan seperti berikut: "**\_topik\_no. entri.\_nama. pdf**".
- 5.4 Semua penyertaan perlu dibuat mengikut format dan garis panduan seperti berikut:
  - i. Semua gambar mesti disertakan dengan **kenyataan foto**;
  - ii. Penyertaan boleh disediakan dalam **orientasi potret atau landskap**;
  - iii. Gambar-gambar boleh dihasilkan dalam **bentuk berwarna atau hitam dan putih**;
  - iv. Penyertaan mestilah dalam **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**.

## 6.0 TERMA DAN RUJUKAN

- 6.1 Pertandingan *Photojournalism* ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali urusetia pertandingan.
- 6.2 Tarikh tutup pertandingan telah dilanjutkan hingga **1 Oktober 2018 (Isnin)**. Pemenang akan dihubungi melalui surat /telefon dan akan dijemput hadir di Majlis Sambutan Hari Habitat 2018.
- 6.3 Semua penyertaan sekurang-kurangnya hendaklah mempunyai empat (4) gambar dengan tidak kurang 300 patah perkataan.
- 6.4 Teknik *cropped* atau *etched* pada gambar adalah dibenarkan.
- 6.5 Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang dikehendaki.
- 6.6 Gambar hendaklah diambil di dalam negara Malaysia sahaja dan lokasi tempat bagi setiap gambar perlu dinyatakan.
- 6.7 Kesemua gambar dan penulisan yang diserahkan mestilah ASLI dan dihasilkan sendiri oleh peserta. Pengubahsuaian gambar atau sebarang penggunaan plagiat, tiruan atau diciplak adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali dan gambar tidak boleh diubah dari imej asal, dengan menyertai pertandingan ini, peserta adalah bertanggungjawab sepenuhnya dimana gambar-gambar dan penulisan cerita adalah tidak melanggar hak cipta, tanda dagangan, hak moral, hak-hak harta privasi / publisiti atau intelek mana-mana individu atau entiti dan tiada pihak lain mempunyai apa-apa hak, hakmilik, tuntutan atau kepentingan dalam gambar tersebut.
- 6.8 Peserta juga perlu bersetuju (a) untuk terikat dengan peraturan rasmi penganjur; (b) Keputusan hakim adalah muktamad ke atas semua perkara yang berkaitan dengan peraduan; dan (c) penganjur berhak untuk menggunakan penyertaan yang berjaya seperti nama pemenang, artikel / gambar dan suara dalam sebarang publisiti atau pengiklanan yang berkaitan dengan peraduan atau promosi masa depan tanpa pampasan atau kelulusan. Penyertaan karya akan menjadi harta penganjur dan tidak akan dikembalikan.
- 6.9 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana penyertaan yang rosak atau hilang semasa dalam perjalanan.

- 6.10 Pihak penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang tidak mematuhi terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.
- 6.11 Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bentuk surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 6.12 Semua penyertaan mestilah diterima sebelum atau pada tarikh akhir penyertaan iaitu pada **1 Oktober 2018 (Isnin)**. Sila cetak borang penyertaan dari laman web KPKT / JLN. Sila pastikan semua maklumat dinyatakan di ruang yang telah ditetapkan. Permohonan yang disertakan dengan borang yang tidak lengkap akan dibatalkan. Lampirkan borang penyertaan berserta CD / DVD dan dihantar ke alamat :

**Urusetia,**

**Pertandingan Photojournalism Sambutan Hari Habitat Sedunia 2018**

**Bahagian Promosi dan Industri Landskap**

**Jabatan Landskap Negara,**

**Tingkat 7, Plaza Permata – IGB,**

**Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak,**

**50400 Kuala Lumpur.**

## **7.0 HADIAH PERTANDINGAN**

- i. Tempat pertama : Wang tunai RM3,000
- ii. Tempat kedua : Wang tunai RM2,000

iii. Tempat ketiga : Wang tunai RM1,000

## **8.0 SEBARANG PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkenaan pertandingan boleh menghubungi :

**i. Mansor Bin Mohamad**  
E-mail : mansor@kpkt.gov.my  
Tel: 03 - 4047 0000

**ii. Zulazmi Bin Mamat**  
E-mail: zulazmi@kpkt.gov.my  
Tel: 03 - 4047 0000

**Waktu berurusan / Urus setia pertandingan :**

Isnin – Jumaat : 8.00pagi - 5.00petang

Sabtu dan Ahad : Tutup